

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 17 MAC 2015

RUJUKAN : 7520

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) adakah benar Syarikat Global Globe (M) Sdn. Bhd. yang beralamat di Ampang Selangor yang dianugerahkan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor yang terbengkalai telah menerima sejumlah RM46 juta sebelum pembinaan IPK ini terhenti. Syarikat ini telah didenda sejumlah RM2.8 juta; dan

(b) bilakah projek ini akan disambung dan berapakah perbezaan kos tambahan yang akan dikeluarkan akibat daripada terhentinya projek ini kerana kegagalan syarikat tersebut dan sudahkah syarikat tersebut membayar denda ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Global Globe (M) Sdn. Bhd. yang telah dianugerahkan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor beralamat seperti No. 341 B & C, Lorong Sarawak, Taman Melawati Urban 1, 53100 Kuala Lumpur. Jumlah interim yang terkumpul iaitu dari interim no. 1 hingga 55 adalah berjumlah RM46,123,409.00.

Manakala Denda Tidak Siap Kerja (LAD) yang telah dikenakan kepada syarikat ini berjumlah RM3,988,175.12. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Global Globe (M) Sdn. Bhd. masih belum membayar denda yang telah dikenakan memandangkan Pihak JKR masih dalam penyediaan Perakuan Muktamad bagi Projek Mansuh.

Lanjutan daripada itu bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat mengenai bilakah projek ini akan disambung, Pihak JKR telah melantik kontraktor baru (penyiap) dan tarikh milik tapak ialah pada 5 Februari 2015 dengan kos sebanyak RM72,800,000.00 dan dijangkakan projek ini akan siap pada 3 Ogos 2016.